

CNS3737

R GB 20-12 00205 BH457

aab

Mahathir - Sekolah

BEKAS GURU KATA DR MAHATHIR PENDIAM SEMASA BERSEKOLAH

ALOR SETAR, 20 Dis (Bernama) -- Ketika murid-murid Sekolah Rendah Seberang Perak berlari ke sana ke mari pada waktu rehat, Mahathir bin Mohamad dan abangnya Mashahor hanya berdiam diri sambil berpaut pada tiang.

"Di rumah juga begitu, tak nampak pun mereka bermain-main di halaman, tak cergas," kata Haji Omar Mohamad, semasa menceritakan kisah-kisah persekolahan Perdana Menteri pada Siri Pengkisahan Sejarah Persekolahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Haji Omar yang menjadi guru kepada Dr Mahathir semasa beliau di dalam darjah satu dan dua di sekolah tersebut, adalah antara enam orang terdiri dari rakan-rakan persekolahan serta guru-guru yang dijemput menceritakan mengenai Dr Mahathir dalam siri itu.

Majlis yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia itu bersempena sambutan Ulangtahun Pertama Perasmian Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, di Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, di sini.

Haji Omar yang pada masa itu tinggal bersebelahan dengan rumah Dr Mahathir berkata, beliau hanya sempat mengajar kedua-dua beradik itu selama dua tahun kerana selepas itu mereka dihantar oleh bapanya, Mohamad Iskandar ke Government English School (GES) yang sekarang ini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH). -- Lagi

▼20/12/15-49MST

CNS3738

R GB 20-12 00164 BH458

aab

Mahathir - Sekolah 2 Alor Setar

Semasa dalam darjah tiga, Dr Mahathir, Mashahor dan sepupu mereka Syed Ahmad Shahabuddin, mempelajari Al Quran di rumah mereka dari Haji Zakaria Mohamad Noor atau lebih dikenali sebagai Pak Long Ya.

Haji Zakaria berkata, beliau mengajar setiap hari dari pukul 4 hingga 5 petang selama dua tahun sehingga mereka khatam iaitu antara tahun 1935 dan 1937.

Katanya, semasa beliau mengajar, bapa dan ibu Dr Mahathir, Wan Tampawan, berada berdekatan memerhatikan anak-anak mereka mengaji.

"Oleh kerana ibu bapa mereka berada di rumah semasa saya mengajar saya tidak mengenakan sebarang syarat seperti yang biasa dilakukan kepada murid-murid lain," kata Haji Zakaria yang semasa itu adalah seorang penuntut di Maktab Mahmud.

Guru Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Dr Mahathir semasa di darjah lima di GES, Haji Mohamad Zain Abdul Rashid pula menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang murid yang pemalu dan suka duduk di penjuru bilik darjah berdekatan dinding. -- Lagi

▼20/12/15-50MST

CNS3739

R GB 20-12 00137 BH459

aab

Mahathir - Sekolah 3 Alor Setar

Apa yang menarik mengenai Dr Mahathir ialah beg yang dibawanya kelihatan berat dan penuh dengan buku, tidak sepadan dengan badannya yang kecil, katanya.

Haji Zain, yang juga Tokoh Guru 1982 berkata walaupun pendiam, Dr Mahathir adalah seorang yang berani dan beliau dikenali sekarang kerana sikap itu.

Rakan sepersekolahan Dr Mahathir semasa di GES, Haji Ahmad Ariffin pula berkata, Dr Mahathir adalah seorang pustakawan semasa di sekolah.

Antara lain, beliau ditugaskan membeli beberapa majalah di Kedai Mamak Kassim pada setiap hujung minggu untuk dibawa ke sekolah pada awal minggu bagi bacaan pelajar lain, katanya.

Haji Ahmad berkata tugas itu membolehkan Dr Mahathir membaca majalah berkenaan terlebih dahulu dan mempelajari perkataan-perkataan Inggeris yang baru dan ini menimbulkan kemarahan kepada rakan-rakannya. -- Lagi

▼20/12/15-51MST

P GB 20-12 00191 BH460

aab

Mahathir - Sekolah 4 (Akhir) Alor Setar

"Aku kena sunting dulu majalah ini tak mau kamu semua baca benda bukan-bukan," Haji Ahmad memetik kata-kata Dr Mahathir yang dikenalnya sejak tahun 1938.

Katanya, kecenderungan Dr Mahathir dalam bidang penulisan bermula apabila beliau dilantik sebagai Ketua Penyunting untuk Majalah Darul Aman, terbitan GES.

Minat dalam bidang penulisan itu diteruskan sehingga beliau memasuki Universiti Malaya di Singapura dan menulis rencana-rencana yang berkaitan dengan orang Melayu dalam Sunday Times, katanya.

Haji Ahmad berkata satu sifat yang ada pada Dr Mahathir ialah beliau suka mengkritik orang tidak kira siapa dan dalam satu perdebatan yang turut disertai oleh Guru Besar mereka, Kapt. Morrison, Dr Mahathir membangkang dengan mengemukakan hujahnya.

Keberaniannya itu mendapat pujian dari guru besarnya itu, katanya.

Turut sama menceritakan zaman persekolahan Dr Mahathir ialah rakan persekolahan semasa di GES, Haji Osman Abu Bakar dan Haji Mohamad Bahar Abdul Hamid.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Raman Suliman dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum Abdul Hamid. -- Bernama

AMJ SIA